

# AXCEL SODIUM FUSIDATE-250 TABLET

Sodium Fusidate (250mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet.
2. Bagaimana Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet

Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet digunakan untuk rawatan jangkitan yang disebabkan oleh organisma yang terdedah pada sodium fusidate terutamanya staphylococci, sebagai contoh:

- Jangkitan tulang.
- Jangkitan darah.
- Keradangan lapisan dalam jantung.
- Jangkitan berkaitan dengan penyakit genetik lendir dan kelenjar peluh.
- Jangkitan paru-paru.
- Jangkitan kulit dan tisu lembut.
- Jangkitan luka pembedahan dan luka traumatik.

## Bagaimana Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet berfungsi

Sodium Fusidate adalah sejenis antibakteria dengan aktiviti bakteriostatik atau bakterisidal, terhadap bakteria. Sodium Fusidate berfungsi dengan membunuh kuman (bakteria) yang menyebabkan penyakit.

## Sebelum mengambil Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada Sodium Fusidate.
- Semasa trimester ketiga kehamilan anda.

### -Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda ada masalah hati, sekatan saluran hempedu atau penyakit saluran hempedu.
- Anda mengandung atau menyusukan bayi.

### -Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu kepada doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain kerana ia mungkin akan bertindakbalas dengan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet anda.

## Cara menggunakan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet

### -Berapa banyak harus digunakan

Penggunaan oral sahaja.

Untuk dewasa: 500mg (2 tablet) tiga kali setiap hari.

Jangkitan tulang dan tisu lembut: 1 tablet dua kali setiap hari.

Dos boleh ditingkatkan dalam kes yang teruk.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet mengikut keadaan anda.

Anda perlu mengambil ubat itu pada tempoh masa yang sama dalam sehari.

### -Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama

anda perlu mengambil ubat anda.

### -Jika terlupa menggunakan

- Jangan mengganggakan sukatan kerana Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda perlu menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet berlebihan.

## Semasa menggunakan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang perlu dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan kepada doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubatan lain.
- Ambil Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet lebih daripada kekerapan yang disarankan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos ubat pada setiap satu masa pengambilan.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.

## Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet

# AXCEL SODIUM FUSIDATE-250 TABLET

Sodium Fusidate (250mg)

---

boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan umum berikut telah dilaporkan:

- Masalah pencernaan
- Rasa loya
- Muntah-muntah
- Sakit epigastrik
- Hilang selera makan
- Jaundis
- Perubahan fungsi hati

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet**

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Sodium Fusidate-250 dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Axcel Sodium Fusidate-250 Tablet berwarna putih, berbentuk bulat, dwicembung dan mempunyai diameter 10.0mm.

### -Bahan- bahan kandungan

- Bahan Aktif:  
Sodium Fusidate
- Bahan Tidak Aktif:  
PVP K-90, DI-Alpha-Tocopherol, Magnesium Stearate, PVP-Cl, Corn Starch, Aerosil, Isopropyl Alcohol, Opadry II White dan Purified Water.

### -Nombor MAL

MAL09020977AZ

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

16/02/2018

## **Nombor siri**

NPRA(R4/1)150218/00052